

Baca petikan di bawah ini.

Awang seorang nelayan.

Tiap-tiap pagi Awang pergi ke laut.

Awang dapat banyak ikan siakap.

Ikan siakap sangat besar .

Awang pulang dengan rasa gembira .

Awang jual ikan siakap di pasar.



Jawab soalan di bawah berdasarkan petikan.

1. Apakah pekerjaan Awang ?

2. Bilakah Awang pergi ke laut ?

3. Awang dapat tangkap apa ?

4. Bagaimanakah keadaan badan ikan ?

5. Apakah perasaan Awang semasa pulang ?

A Baca petikan di bawah ini.

Keluarga Didi

Ini keluarga Didi. Didi tinggal di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras. Ayah dan ibu Didi adalah guru. Ibu Didi sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia. Setiap hujung minggu, ibu Didi akan ke universiti.



Didi dan adik-adiknya akan menolong ayah mereka melakukan kerja-kerja rumah. Mereka bekerjasama mengemas rumah, membasuh pakaian, menjemur baju, membersihkan halaman rumah dan sebagainya.

Waktu yang paling Didi suka ialah ketika menolong ayahnya menyediakan makan tengah hari. Didi pandai memotong sayur dan memasak nasi goreng. Selepas makan, mereka akan mengemas dapur dan meja makan. Ibu Didi akan pulang pada pukul 5.00 petang.

B Lengkapkan jawapan di bawah.

1. Di manakah keluarga Didi tinggal?

2. Mengapa ibu Didi tidak ada di rumah ketika hujung minggu?

3. Apakah yang dilakukan oleh Didi dan ayahnya pada hujung minggu?

4. Siapakah yang menyediakan makan tengah hari?

5. Didi pandai memasak apa?
